



Ruj Kami : ( 20 ) MDA.100-11/1/1 Jilid 4

Tarikh : 28 April 2021

**Kepada Yang Berkenaan,**

Y.B. / Y.Bhg. Tan Sri / Puan Sri / Datuk / Dato'/ Datin / Tuan / Puan / Sdra / Sdri,

**PENGAMBILAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI DALAM BIDANG TEKNOLOGI  
MAKLUMAT DI CAWANGAN ICT DAN PENGURUSAN MAKLUMAT PIHAK  
BERKUASA PERANTI PERUBATAN.**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara seperti di atas.

2. Untuk makluman Y.B. / Y.Bhg. Tan Sri / Puan Sri / Datuk / Dato'/ Datin / Tuan / Puan / Sdra / Sdri, Pihak Berkusa Peranti Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (PBPP) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkusa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738). PBPP diberi mandat untuk melaksanakan program kawalan peranti perubatan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737). Antara aktiviti utama PBPP adalah pemprosesan dan pengeluaran lesen establismen (syarikat) yang berurusan dengan peranti perubatan, pendaftaran peranti perubatan, badan penilaian pematuhan serta pemantauan dan penguatkuasaan selaras dengan peruntukan di bawah Akta 737.
3. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program kawalan peranti perubatan, PBPP telah merancang untuk melaksanakan projek-projek ICT dalam menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada semua pelanggannya agar seiring dengan perkembangan teknologi maklumat yang mampu memberi penjimatan kepada kos, masa dan tenaga manusia.
4. Sehubungan itu, PBPP berhasrat untuk mengambil pelajar latihan industri dalam bidang-bidang ICT seperti di **LAMPIRAN A**. Pengambilan pelajar-pelajar ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan persekitaran sebenar dalam bidang kerjaya ICT yang diceburi dan dapat memenuhi keperluan silibus pengajian yang diikuti.

5. Perhatian dan kerjasama Y.B. / Y.Bhg. Tan Sri / Puan Sri / Datuk / Dato'/ Datin / Tuan / Puan / Sdra / Sdri, dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AHMAD SHARIFF BIN HAMBALI)**  
Ketua Eksekutif  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**Berikut merupakan senarai bidang yang diperlukan di Cawangan ICT dan Pengurusan Maklumat, PBPP;**

1. Rangkaian LAN dan Wifi (Networking)
2. Infrastruktur (Infrastructure)
3. Artificial Intelligence (Ai)
4. Grafik dan Multimedia
5. Pembangunan Sistem & Pengaturcaraan & Kejuruteraan Sistem (Programmer)
6. Keselamatan ICT (Security)
7. Pengurusan Pusat Data
8. Pengurusan Maklumat (Information Management)
9. Pengurusan Projek ICT (Project Management)
10. Juruteknik Komputer (Computer Technician)

Tuan/puan boleh menghantar permohonan secara *soft copy* melalui emel di [ict@mda.gov.my](mailto:ict@mda.gov.my) atau secara *hard copy* dan alamatkan kepada:

**Cawangan ICT dan Pengurusan Maklumat,  
Medical Device Authority (MDA),  
Ministry of Health Malaysia,  
Level 6, Prima 9, Prima Avenue II,  
Block 3547, Persiaran APEC,  
63000 Cyberjaya, Selangor, MALAYSIA**

Sekiranya terdapat pertanyaan tuan/puan boleh menghubungi kami di 03-8230 0224 (Pn. Zarina).